



MALAY A1 – HIGHER LEVEL – PAPER 2
MALAIS A1 – NIVEAU SUPÉRIEUR – ÉPREUVE 2
MALAYO A1 – NIVEL SUPERIOR – PRUEBA 2

Tuesday 23 May 2006 (afternoon)
Mardi 23 mai 2006 (après-midi)
Martes 23 de mayo de 2006 (tarde)

2 hours / 2 heures / 2 horas

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the Part 3 works you have studied. You may include in your answer a discussion of a Part 2 work of the same genre if relevant. Answers which are not based on a discussion of at least two Part 3 works will not score high marks.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Traitez un seul sujet de composition. Vous devez baser votre réponse sur au moins deux des œuvres de la 3^e partie que vous avez étudiées. Le cas échéant, vous pouvez inclure dans votre réponse une discussion sur une œuvre du même genre littéraire étudiée dans la 2^e partie du programme. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la 3^e partie n'obtiendront pas une note élevée.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Elija un tema de redacción. Su respuesta deberá basarse en al menos dos de las obras estudiadas en la Parte 3. Se podrán hacer comentarios sobre una obra de la Parte 2 del mismo género, si fuera necesario. Las respuestas que no incluyan una discusión sobre al menos dos obras de la Parte 3 no recibirán notas altas.

Jawab **satu** soalan esei sahaja. Jawapan anda hendaklah berdasarkan sekurang-kurangnya dua daripada karya-karya yang anda kaji dalam Bahagian 3. Anda boleh memasukkan ke dalam jawapan anda perbincangan dari satu karya dalam Bahagian 2 dari genre yang sama sekiranya ada perkaitan. Jawapan-jawapan yang **tidak berdasarkan** perbincangan dari sekurang-kurangnya **dua karya** dalam Bahagian 3, **tidak akan** mendapat markah yang tinggi.

Cerpen

1. Sama ada

- (a) Terdapat beberapa cerpen Melayu yang mengemukakan watak, latar atau persoalan-persoalan luar biasa. Sejauhmanakah unsur-unsur luar biasa ini memberi kesan terhadap gaya penceritaan karya-karya tersebut. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan cerpen-cerpen yang anda kaji.

Atau

- (b) Terdapat cerpen-cerpen Melayu yang dikarang dengan gaya bahasa yang sangat menarik hati anda, sehingga meninggalkan kesan yang berpanjangan kepada anda. Bincangkan ciri-ciri gaya bahasa yang menarik itu berdasarkan cerpen-cerpen yang anda baca dan sejauhmanakah ianya memberi kesan kepada nilai karya itu.

Drama

2. Sama ada

- (a) Elemen salah faham dan salah tafsir dialog boleh menjadikan sesebuah drama itu menarik perhatian pembaca atau penonton. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan drama-drama yang anda kaji.

Atau

- (b) Pentafsiran semula peristiwa bersejarah atau nilai-nilai tradisional sudah menjadi satu kebiasaan pada penulis-penulis skrip drama Melayu. Bincangkan teknik-teknik dramatik yang sering digunakan penulis-penulis untuk mencapai tujuan ini dan apakah kesannya kepada penonton?

Novel

3. Sama ada

- (a) Bandingkan pemaparan warga emas atau orang tua dalam novel-novel yang anda kaji dan nilaikan bagaimana pemaparan-pemaparan itu memberi kesan kepada perasaan atau pendapat pembaca.

Atau

- (b) Novel-novel Melayu terlalu memberi tumpuan kepada permasalahan sosial golongan miskin, penduduk desa dan nilai-nilai tradisional yang konservatif sehingga mengenenepikan masyarakat kota dan nilai-nilai moden yang lebih maju dan membangun. Sejauh manakah anda bersetuju atau tidak dengan kenyataan ini?

Prosa Tradisional

4. Sama ada

- (a) Terdapat karya prosa tradisional yang mencampur-adukkan fakta sejarah dengan unsur-unsur dongeng. Bagaimanakah aspek ini menyumbang ke arah perkembangan keseluruhan jalan cerita? Bincangkan teknik penceritaan ini dengan merujuk kepada karya-karya yang anda kaji.

Atau

- (b) Karya-karya prosa tradisional mempunyai gaya yang tersendiri dari segi pemaparan atau pembinaan sesuatu watak. Dengan merujuk kepada karya-karya yang anda kaji, bincangkan teknik ini dan sejauh manakah ianya memberi kesan kepada pembaca.

Puisi

5. Sama ada

- (a) Sejumlah puisi Melayu mengemukakan tafsiran yang sempit tentang aspek cinta terhadap tanah air. Apakah ciri-ciri yang anda temui dalam puisi-puisi patriotik dan sejauh manakah ianya menggambarkan tafsiran sempit itu?

Atau

- (b) Sesuatu puisi menjadi petunjuk identiti atau pengenalan seseorang penyair. Sejauh manakah anda bersetuju dengan kenyataan ini?

Am

6. Sama ada

- (a) Pemaparan ketidak-seimbangan gender boleh menjadi satu tema menarik bagi sesebuah karya. Sejauhmanakah pemaparan ini memberi kesan melalui karya-karya yang anda kaji.

Atau

- (b) Bincangkan pemaparan tentang tekanan emosi atau perasaan yang melampau sehingga menyebabkan hilang kawalan diri, murung, atau gila yang terdapat dalam karya-karya yang anda kaji. Sejauhmanakah pemaparan ini memberi kesan kepada pembaca?

Atau

- (c) Sering terdapat perbezaan perwatakan wanita tua dan wanita muda di kampung dan di kota dalam karya-karya sastera Melayu. Sejauh manakah pemaparan perwatakan ini membantu menguatkan tema dan persoalan yang terdapat dalam karya-karya yang anda kaji.

Atau

- (d) Karya sastera seperti novel, cerpen, puisi atau drama dapat menjadi petunjuk kepada hasrat, harapan dan wawasan sesuatu masyarakat, bangsa atau negara. Petunjuk ini dapat disusur daripada tema dan persoalan, atau watak dan perwatakan, atau bahasa dan pengucapan yang terdapat dalam karya itu. Bincangkan petunjuk-petunjuk yang anda temui dalam karya-karya yang telah anda kaji.
-